

03/09/1998

Peraturan baru tidak jejas pelajar tajaan Mara

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 3,000 pelajar tajaan Mara di luar negara tidak menghadapi masalah berikutan pengumuman peraturan kawalan tukaran mata wang dengan mengehadkan jumlah keluar masuk wang tunai berkuatkuasa 1 Oktober ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata penerangan yang jelas sudah diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan membenarkan sebarang pemindahan wang jika diperlukan.

"Perdana Menteri sudah memberi penjelasan untuk pelajar mengisi borang dan keperluan itu ada dan ini dibenarkan, macam biasa. Cuma kena isi borang dan pengesahan saja," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat peringkat kementerian, di sini hari ini.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah timbalannya, Datuk Idris Jusoh dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Dr Abdullah Mohd Tahir.

Mustapa berkata, Mara memperuntukkan kira-kira RM200 juta kepada pelajar tajaannya di seberang laut.

"Peruntukan itu disediakan kepada 3,500 pelajar. Bagaimanapun, sesetengahnya sudah balik. Jadi jumlahnya mungkin tinggal kira-kira 3,000 orang.

"Saya yakin peraturan baru yang diumumkan semalam tidak membebankan Mara, ibu bapa atau pelajar," katanya.

Menjawab soalan sama ada Mara akan berbincang dengan Bank Negara mengenai peraturan baru itu, Mustapa berkata perbincangan tidak perlu diadakan kerana penjelasan sudah diberi oleh Perdana Menteri.

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyifatkan langkah terbaru kerajaan itu mampu membawa perubahan kepada industri pendidikan negara.

(END)